

**PERSEMPADANAN DAN PEMBANCIAN DI BAHAGIAN
PERTAMA, SARAWAK (1841-1946)**

*Boundary Delimitation and Census in the First Division, Sarawak
(1841–1946)*

**Mahadzir Mahdini¹
Bilcher Bala²**

^{1&2}Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
*Corresponding author: bilcher@ums.edu.my

Dihantar: 9 Mac 2025 / Penambahbaikan: 11 Jun 2025
Diterima: 1 November 2025 / Terbit: 31 Disember 2025

Abstrak

Penulisan ini meneliti dua aspek utama iaitu persempadanan dan banci di *First Division* pada era pentadbiran Rajah Brooke. Persempadanan merujuk kepada penetapan garis pemisah untuk kawasan pentadbiran dan banci pula adalah pengumpulan data penduduk oleh kerajaan untuk perancangan masa depan. Penulisan ini juga mengkaji sejarah persempadanan *First Division* dan daerah-daerah di dalamnya serta populasi penduduk berdasarkan banci dan anggaran yang dilakukan oleh kerajaan. Permasalahan yang wujud semasa proses pelaksanaan banci serta kesan perubahan sempadan terhadap pengiraan penduduk. Selain itu, pengalaman kerajaan dalam melaksanakan banci turut memberikan pengajaran kepada kerajaan untuk melaksanakan banci yang lebih tepat pada masa depan.

Keywords : *Persempadanan, Banci, First Division, Sarawak, Brooke*

Abstract

This writing examines two main aspects, namely delimitation and census in the First Division during the Brooke administration era. Delimitation refers to the establishment of boundaries for administrative areas, while the census involves the collection of population data by the government for future planning. This writing also explores the history of the delimitation of the First Division and its districts, as well as the population based on censuses and estimates conducted by the government. It discusses the challenges faced during the census process and the impact of boundary changes on population counts. Additionally, the government's experiences in conducting censuses provide lessons for more accurate census implementation in the future.

Keywords : *Delimitation, Census, First Division, Sarawak, Brooke*

Pengenalan

Penulisan ini memberikan fokus kepada dua aspek iaitu persempadanan dan banci di Bahagian Pertama (*First Division*) semasa era pemerintahan Rajah Brooke 1841 hingga 1946. Persempadanan bermaksud tindakan menetapkan garis pemisah bagi dua buah kawasan sama ada dari aspek fizikal, politik dan juga pentadbiran. Manakala banci pula bermaksud pengumpulan data penduduk di sesebuah kawasan oleh pihak kerajaan bagi tujuan perancangan kerajaan dan penetapan dasar kerajaan. Kajian ini akan meneliti sejarah persempadanan Bahagian Pertama dan juga daerah-daerah yang ada dalam Bahagian Pertama ini. Setelah meneliti sejarah persempadanan, populasi penduduk di kawasan juga akan diketengahkan di dalam penulisan ini. Populasi penduduk yang diperoleh daripada banci kerajaan dan juga anggaran penduduk yang dibuat oleh pihak kerajaan. Permasalahan dan proses dalam pembancian juga akan diketengahkan dalam penulisan ini. Secara keseluruhannya, penulisan ini juga akan mengetengahkan kesan perubahan sempadan kepada pengiraan jumlah penduduk. Selain itu, pengalaman lepas kerajaan dalam melaksanakan banci juga memberikan pengajaran kepada kerajaan untuk melaksanakan banci yang lebih tepat pada masa depan.

Latar Belakang

Persempadanan merupakan aspek penting dalam sesebuah pentadbiran. Pembahagian kawasan jelas dalam sesebuah pentadbiran dapat mengelakkan pertindihan kuasa oleh dua jabatan kerajaan yang sama fungsinya. Kini, persempadanan sesebuah kawasan pentadbiran adalah lebih jelas dan sering kali dibuat hebahan sekiranya berlaku perubahan kawasan pentadbiran. Contohnya persempadanan pada tahun 11 April 2015 yang mewujudkan bahagian Serian dalam pentadbiran negeri Sarawak (Borneo Post Online, 2015). Pada era pentadbiran Rajah Brooke, persempadanan bagi sesebuah kawasan pentadbiran dilakukan untuk memudahkan urusan pentadbiran. Namun begitu, sekiranya dilihat dalam aspek penulisan sejarahnya pula tiada penulisan yang menulis sejarah persempadanan Bahagian Pertama. Proses pembancian pula sememangnya memerlukan kaedah yang tertentu dalam mendapatkan data dan sesuai mengikut peredaran zaman. Data ini penting untuk membantu kerajaan membuat keputusan dalam aspek pentadbiran dan pembangunan di sesebuah kawasan. Pembancian dalam kawasan Bahagian Pertama adalah satu aspek yang sangat penting untuk melihat populasi manusia yang ada pada era pentadbiran Rajah Brooke. Kini, proses pembancian mempunyai prosedur operasi standard (SOP).

Penulisan proses pembancian di Bahagian Pertama ini pula akan menceritakan proses pembancian yang berlaku di Bahagian Pertama. Pengalaman pertama semasa pembancian pada tahun 1871 menjadi pengajaran kepada kerajaan Rajah Brooke untuk melakukan pembancian dengan lebih teratur pada masa akan datang. Oleh itu, adalah satu keperluan untuk mengetahui proses dan juga pembancian yang berlaku semasa era Rajah Brooke agar dapat menjadi teladan kepada kita pada masa sekarang. Persempadanan dan pembancian mempunyai hubungkait secara langsung kerana proses pembancian akan berlaku di kawasan yang telah ditetapkan sempadannya. Data pula akan ditulis mengikut hasil pembancian yang dilakukan di sesebuah kawasan yang sudah tentu mempunyai sempadannya. Oleh itu, perubahan sempadan pentadbiran juga turut memberikan impak kepada data pembancian. Hubungkait secara langsung ini menjadikan persempadanan dan pembancian perlu ditulis secara bersama. Hal ini kerana, pembancian yang telah berlaku di Bahagian Pertama pada zaman Rajah Brooke dilakukan mengikut persempadanan yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Kawasan Bahagian Pertama (*First Division*)

Penggunaan nama Sarawak untuk kawasan pentadbiran James Brooke adalah berasal daripada nama panggilan tempatan untuk antimoni. Sejarah awal penyerahan Sarawak kepada Brooke bermula dengan penentangan masyarakat tempatan dan aristokrat Melayu menentang Pangeran Makhkota. Kesannya James Brooke yang menjadi pendamai kepada pemberontakan ini telah mendapat kuasa ke atas Sarawak dengan menandatangani perjanjian dengan Sultan Brunei. Perjanjian tersebut telah ditandatangani pada 24 September 1841. Perjanjian ini menyatakan bahawa kawasan pentadbiran James Brooke adalah dari Tanjong Dato sehingga ke sungai Samarahan dan kawasan ini lebih dikenali sebagai Sarawak pada masa tersebut. Ketika inilah permulaan kepada persempadanan kawasan untuk pentadbiran Sarawak oleh James Brooke. Pada tahun 1861, perluasan kuasa pentadbiran Brooke telah diperluaskan lagi dan melibatkan semua sungai dan tanah dari sungai Sadong hingga ke Tanjong Kidurong.

Pada tahun 1863, jawatan Residen telah diperkenal dan A. C. Crookshank telah dilantik menjadi Residen Sarawak pada 1 May 1863 serta menunjukkan bahawa sistem residen telah mula dipraktikkan di Sarawak. Kawasan pentadbiran beliau dikenali sebagai *Sarawak Proper* atau Bahagian Pertama. Kawasan pentadbiran Bahagian Pertama adalah bermula daripada Tanjong Dato hingga ke Sungai Sadong dan tidak berubah sehingga tahun 1986. (Sarawak Government, 1931; Rodziah Morshidi & Charles Lei, 2009) Pentadbiran Residen Bahagian Pertama telah dihapuskan pada 1 Oktober 1923 dan diwujudkan semula pada 15 November 1927.

Pentadbiran berdasarkan bahagian di Sarawak telah bermula pada Jun 1873 apabila pembahagian kawasan pentadbiran Rajah Brooke telah dibahagikan kepada tiga bahagian (Swayne, 1932). Pembahagian ini telah memberikan tiga kawasan ini nama sebagai *First Division*, *Second Division* dan *Third Division*. Pengenalan ini juga adalah berdasarkan *New Regulations Dating 1 Jun 1873* dan menyaksikan Mr. H. Skelton dilantik menjadi Residen Kelas Pertama untuk Bahagian Pertama (Sarawak Gazette, 31 May 1873). Residen yang akan mengetuai pentadbiran di peringkat *Division* ini. Nama Sarawak kekal sehingga pada 12 Ogos 1872 dan telah ditukar kepada Kuching secara rasminya oleh Brooke (Sarawak Gazette, 31 July 1961). Kawasan pentadbiran untuk Bahagian Pertama kekal sehingga 24 Julai 1986.

*Persempadanan Dan Pembancian
Di Bahagian Pertama, Sarawak (1841-1946)*



Peta 1: Bahagian Pertama (*First Division*)

Sumber: Pejabat Residen dan Daerah Bahagian Kuching

Antara daerah yang berada dalam pentadbiran Bahagian Pertama ini adalah daerah Kuching, daerah Lundu, daerah Bau dan daerah Sadong. Pentadbiran daerah Sadong merangkumi kawasan Serian, Gedong, Tebekang dan Samarahan. Kesemua daerah ini akan menerima arahan daripada residen Bahagian Pertama bagi mentadbir kawasan masing-masing. Kini, kawasan Bahagian Pertama ini mempunyai daerah-daerah pentadbiran yang dikenali sebagai daerah Kuching, daerah Lundu, daerah Bau, daerah Samarahan, daerah Asajaya, daerah Serian, daerah Simunjan dan daerah Tebedu. Secara kesimpulannya, persempadanan pada zaman Rajah Brooke memainkan peranan penting dalam penentuan kawasan pentadbiran pada masa sekarang.



**Peta 2 : Daerah-Daerah Asal Daripada Bahagian Pertama
(*First Division*)**

Sumber : Anggaran Penduduk Semasa, Daerah Pentadbiran, 2022

Banci di Bahagian Pertama (*First Division*)

Penduduk di bandar Kuching dianggarkan seramai 8,000 orang pada tahun 1847 (*Sarawak Gazette*, 31 July 1961). Anggaran ini telah dinyatakan di dalam *Sarawak Gazette* pada tahun 1960. Anggaran yang telah direkodkan ini menjadi titik permulaan pengiraan populasi yang ada di Sarawak (Kuching). Pada tahun 1847, kawasan pentadbiran James Brooke belum lagi diperluaskan sehingga ke Sri Aman (Simanggang). Perluasan kawasan bermula pada tahun 1853 di Simanggang, pada tahun 1853 hingga 1861 di kawasan Batang Rajang, pada tahun 1882 di Tg Kidurong Bintulu, pada tahun 1884 hingga 1890 di Limbang dan akhir sekali pada tahun 1904 di Lawas. Perluasan kawasan pentadbiran Rajah Brooke ini telah menjadikan sempadan moden bagi negeri Sarawak pada hari ini.

Pada 15 Disember 1871, laporan banci rasmi pertama telah disiarkan di *Sarawak Gazette* dan banci ini telah dilakukan di seluruh kawasan pentadbiran Rajah Brooke pada ketika itu. Kawasan ini meliputi Sarawak (Kuching), Batang Lupar, Kalaka, Rejang, Muka dan Bintulu. Jumlah keseluruhan penduduk kawasan Sarawak yang merupakan asas kepada Bahagian Pertama adalah seramai 39,094 orang. Jumlah keseluruhan bagi penduduk kawasan pentadbiran Rajah

*Persempadanan Dan Pembancian
Di Bahagian Pertama, Sarawak (1841-1946)*

Brooke adalah seramai 128, 679 orang dan terdiri daripada tiga kaum utama iaitu kaum Melayu, kaum Cina dan kaum Dayak.

Jadual 1 : The Cencus 1871

Kawasan	Melayu	Dayak	Cina	India	Jumlah
Sarawak	14,491	20,803	3,467	333	39,094
Batang Lupar	5,630	29,055	807	-	35,492
Kalaka	2,721	6,744	62	3	9,530
Rejang	16,795	13,500	415	-	30,710
Muka (Mukah)	8,761	611	119	23	9,514
Bintulu	4,118	139	77	5	4,339

Sumber : Sarawak Gazette, No31, Friday, 15th December 1871

Banci pertama yang dilakukan oleh pihak kerajaan pada ketika ini adalah sangat penting dalam usaha untuk mengetahui kawasan taburan penduduk dan juga kawasan yang berpotensi untuk dimajukan agar pulangan hasil yang lumayan dapat diperoleh oleh kerajaan Brooke pada ketika itu. Kawasan pentadbiran bagi James Brooke pada tahun 1871 adalah dari Tanjung Dato hingga ke Tanjung Kidurong (Bintulu). Maklumat penting yang diperoleh daripada banci ini adalah terdapatnya masyarakat berbilang kaum yang hidup menetap di Kuching. Masyarakat ini terdiri daripada kaum Melayu Sarawak, Dayak, Cina dan India. Selain itu, terdapatnya kepadatan penduduk di kawasan Kuching terutamanya di kawasan pusat bandar. Data taburan penduduk ini penting untuk kerajaan dalam membuat keputusan penentuan dasar kerajaan dan juga pembangunan sesuatu kawasan demi memajukan kegiatan sosioekonomi di sesebuah kawasan. Sesuai dengan peranan sebagai pusat pentadbiran dan juga pusat ekonomi, kawasan Kuching mempunyai penduduk yang lebih ramai dan kepadatan penduduk tertumpu di kawasan pusat bandar Kuching. Keadaan ini memudahkan kerajaan Rajah Brooke untuk membuat keputusan untuk fokus kepada Kuching untuk kekal sebagai pusat pentadbiran dan pusat ekonomi.

Walaupun begitu, banci yang dilakukan pada kali pertama ini mempunyai pelbagai kekangan dalam aspek proses mendapatkan data bagi tujuan dokumentasi. Perkara ini turut dinyatakan dalam *Sarawak Gazette*. Antara kesilapan yang dilakukan semasa banci yang pertama kali diadakan ini adalah jumlah keseluruhan penduduk dari Tanjong Dato hingga ke Kidurong tidak mencapai angka yang sepatutnya kerana jumlah yang sepatutnya adalah lebih ramai berbanding yang direkodkan sebanyak 128,679 orang ketika banci tersebut. Pelarasan dilakukan dengan adanya tambahan 10 persen kepada jumlah tersebut dan telah dijumlahkan seramai 141,546 orang (*Sarawak Gazette*, 15 December 1871). Jumlah ini masih lagi tidak menunjukkan keadaan yang sebenar. Hal ini berlaku disebabkan oleh banyak faktor. Antara faktor yang menyebabkan bilangan sebenar banci tidak dapat diperoleh adalah penduduk tempatan tidak memberikan bilangan anak lelaki dan perempuan mereka. Sebab yang kedua adalah di sepanjang kawasan sungai Rejang, penduduk agak sukar untuk pergi berurusan ke bandar dan pergerakan ke bandar hanya akan berlaku sekiranya mempunyai perkara yang penting sahaja.

Sekiranya mereka pergi ke bandar untuk urusan berdagang dan membayar cukai mereka hanya datang dalam jumlah yang kecil kerana sistem pengangkutan yang terhad. Keadaan ini menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan data yang lengkap berkenaan dengan jumlah sebenar penduduk yang ada di kawasan kediaman mereka. Oleh itu, pengumpulan data berdasarkan kutipan cukai kepala dan cukai pintu juga menyumbang kepada data yang tidak tepat ini (Baring-Gould & Bampfylde, 1909). Isu-isu ini menjadikan jumlah sebenar penduduk yang direkodkan oleh banci ini diragui kesahihannya.

Selain itu, dalam buku S. Baring-Gould dan C. A. Bampfylde yang bertajuk *A History Of Sarawak Under Its Two Rajahs* juga menyatakan jumlah penduduk adalah lebih ramai berbanding dengan jumlah yang telah dinyatakan dalam banci tersebut. Mereka juga memberikan sebab bahawa penduduk tempatan masih tidak bersedia untuk memberikan maklumat bilangan ahli keluarga terutamanya bilangan anak lelaki dan perempuan. Perihal keluarga sebegini merupakan perkara yang sensitif untuk ditanya kepada penduduk tempatan. Sebarang kesilapan dalam sesi soal jawab semasa proses mendapatkan data banci pastinya mendatangkan kesan yang tidak baik bahkan menyebabkan ketidaktenteraman dalam kalangan masyarakat. Keadaan ini pastinya boleh menyebabkan isu salah faham

dalam kalangan penduduk tempatan terhadap kerajaan yang memerintah. Imej yang tidak baik juga terpalit pada kerajaan Rajah Brooke yang memerintah. Oleh itu, kerajaan memutuskan untuk tidak membuat sebarang banci sebelum tahun 1871 dan tahun mendatang.

Pada tahun 1931 anggaran bagi penduduk Bahagian Pertama adalah seramai 160,000 orang oleh kerajaan (Official Memorandum Ref: No. 76 In CSO 397/27, 12 March 1935). Jumlah tersebut merangkumi penduduk Kuching seramai 25,000 orang dan kawasan lain di dalam Bahagian Pertama adalah 145, 000 orang. Usaha berterusan untuk mendapatkan data penduduk Sarawak dan khasnya Bahagian Pertama telah berlaku pada tahun 1935. Rajah Charles Vyner Brooke telah memberikan arahan kepada Residen setiap bahagian untuk melaksanakan banci secara kasar di kawasan masing-masing (Letter No.2 In RO ADM 7, 13 March 1935). Arahan ini telah diturunkan dan diberikan kepada semua *District Officer* di dalam Bahagian Pertama oleh Residen Bahagian Pertama. Selain itu, panduan untuk mendapatkan banci penduduk di kawasan masing-masing juga turut dinyatakan oleh Residen Bahagian Pertama.

Banci perlu dilakukan dengan menggunakan data pembayaran cukai oleh masyarakat peribumi untuk dibandingkan dengan kiraan populasi yang telah dilaksanakan. Perbandingan ini pastinya dapat membantu untuk mendapatkan data yang tepat untuk jumlah populasi penduduk peribumi di sesebuah kawasan. Banci untuk mendapatkan jumlah penduduk kaum Cina pula diakui sukar oleh Residen dan dicadangkan untuk membuat anggaran kasar untuk data kaum Cina. Cadangan ini boleh dielakkan sekiranya pejabat daerah mempunyai kaedah lain yang lebih tepat untuk mendapatkan data penduduk kaum Cina di kawasan masing-masing. Selain itu, bagi tujuan rekod jumlah penduduk perlulah diasingkan mengikut kaum Melayu, Dayak dan Cina. Pelaksanaan banci secara kasar ini perlu diselesaikan dalam masa sebulan dan data perlu diberikan kepada Residen dalam masa tersebut.

Kesan daripada arahan tersebut *District Officer* Kuching telah memberikan respon kepada Residen dengan mengeluarkan memo dan surat yang mengandungi data banci dan kaedah pengumpulan data bagi banci tersebut (Official Memorandum, 19 March 1935). Beliau telah menyatakan bahawa data penduduk Cina yang tinggal di kebun hanyalah anggaran kasar kerana tiada rekod kerajaan yang boleh dirujuk untuk mendapatkan data yang tepat. Walaupun begitu,

terdapat 12,000 geran kebun telah diberikan di daerah Kuching dan separuh daripada jumlah tersebut mungkin dimiliki oleh orang Cina.

Dengan menggunakan pengiraan purata sebanyak 3.2 orang bagi setiap rumah, maka dianggarkan seramai 21,000 orang masyarakat Cina tinggal di kebun. Kaedah untuk mendapatkan data dari kaum Melayu dan Eropah adalah melalui rekod daripada Jabatan Kesihatan dan juga beberapa rekod tambahan serta pengiraan daripada semua rekod berkaitan untuk mendapatkan data yang lebih tepat telah dilakukan. Data-data ini telah diperiksa setiap tahun dan keadaan ini menunjukkan bahawa data tersebut telah dikemaskini setiap tahun dan telah disahkan secara berkala oleh Jabatan Kesihatan. Oleh itu, data ini boleh dipercayai dan mempunyai integriti. Data untuk kaum Dayak pula mungkin kurang tepat kerana tiada rekod daripada Jabatan Kesihatan dan pengiraan berdasarkan rekod lain yang berkaitan juga tidak dapat dilakukan. Maka anggaran kasar telah dilakukan untuk data kaum Dayak.

Jadual 2 : Kuching District Cencus 1935

Area	Kaum dan Kawasan Petempatan	Jumlah
Kuching town	Cina di Pasar	7338
	Cina di Padungan	1018
	Penduduk Cina, Kerani dan Eurasia	1938
	Nelayan Cina	500
	Melayu, Tamil dan Pelacur di Pasar	270
	Melayu di Kampung berdekatan bandar Kuching	10,957
	Polis dan keluarga	567
	Eropah	94
Kuching District	Kawasan batu 3, batu 7, batu 10 dan Rock Road	788
	Pasar batu kawa	326
	Sungai Tengah dan Moyan Estate	542
	Malayu di kampung luar bandar Kuching	8,718
	Dayak	9344
	Cina di Kebun	21,000
Jumlah		63,400

Sumber : Official Memorandum, 19 March 1935, Cencus, 1935

Pejabat daerah Bau juga memberikan respon terhadap surat yang diberikan oleh Residen *First Division* kepada ADO District Bau. Antara kandungan memorandum rasmi respon yang diberikan kepada residen adalah banci yang dilakukan di daerah Bau adalah melalui proses pengiraan sebenar dan purata bagi 4 orang bagi setiap pembayar cukai adalah hampir tepat setelah pengiraan sebenar dilakukan (Official Memorandum Ref. No.4 in ADM 2, 28 April 1935). Lampiran hasil banci juga di sekalikan dengan memorandum rasmi tersebut. Menurut laporan banci tersebut penduduk Bau adalah seramai 21,170 orang. Kaum Dayak Darat merupakan kaum majoriti di kawasan Bau (Upper Sarawak) ini dengan jumlah seramai 11689 orang. Jumlah ini diikuti dengan kaum Cina seramai 7575 orang, kaum Melayu 1497 orang, kaum Jawa 213 orang, kaum Iban seramai 100 orang, kaum India seramai 83 orang, kaum Melanau seramai 7 orang, bangsa Eropah seramai 4 orang dan kaum Punan seramai 2 orang. Data ini menunjukkan masyarakat yang berbilang kaum yang hidup di daerah Bau dan kesan daripada kegiatan ekonomi perlombongan emas di Bau yang bermula sebelum kedatangan James Brooke lagi.

Pejabat daerah Lundu turut memberikan respon terhadap surat arahan yang di edarkan oleh pejabat residen Bahagian Pertama. Oleh itu, memorandum rasmi telah dihantar kepada pejabat residen Bahagian Pertama untuk memaklumkan data bancian yang telah dilakukan di daerah Lundu (Official Memorandum Ref. NO. 36 in ADM. 3/1, 8 April 1935). Antara kandungan data yang telah diberikan kepada residen adalah penduduk di daerah Lundu adalah seramai 9,358 orang. Pecahan penduduk kepada komposisi kaum adalah kaum Melayu seramai 3,854 orang, kaum Cina seramai 1821 orang, kaum Solakau Dayak seramai 1,569 orang, Kaum Sebuyau Dayak seramai 1,187 orang, kaum Jagoi Dayak seramai 582 orang, kaum Larah Dayak seramai 236 orang, kaum Iban dayak seramai 40 orang, bangsa Eropah 3 orang, etnik kecil lain 5 orang dan penjawat awam kerajaan serta keluarga dan banduan adalah seramai 61 orang. Memo ringkas ini juga memberi jaminan bahawa bancian telah dilaksanakan dengan tahap ketepatan yang memuaskan.

Pejabat daerah Sadong turut menerima arahan daripada residen berkenaan dengan banci tersebut. Oleh itu, *Assistant District Officer* Sadong iaitu E. H. Elam telah menghantar memo kepada *Native Officer* Samarahan iaitu Abang Mustapha (No. 22 in Q 6/1, 17 April 1935), dan Court Writer di Tebekang untuk melakukan bancian di

kawasan masing-masing. Native Officer Samarahan telah membalas memo tersebut pada 2 Mei 1935 dan telah memberitahu bahawa bancian tersebut telah dilaksanakan mengikut panduan yang telah diberikan sebelum ini (.Official Memorandum, 1935). Kandungan lain dalam memo tersebut adalah data penduduk hasil bancian tersebut. Penduduk di Samarahan adalah seramai 8,040 orang hasil daripada banci tersebut.

Terdapat lima pecahan kaum yang disenaraikan daripada hasil bancian tersebut. Antaranya adalah kaum Dayak Sebuyau seramai 460 orang, kaum Iban seramai 228 orang, kaum Dayak Darat seramai 1772 orang, kaum Cina seramai 120 orang, kaum Melayu seramai 5420 orang dan kaum Jawa seramai 40 orang. Pejabat daerah Sadong juga telah menghantar memo rasmi kepada pejabat residen Bahagian Pertama bagi memaklumkan data bancian penduduk daerah Sadong yang mempunyai seramai 7,800 orang (No. 18 in B.5/1, 14 Mei 1935). Penduduk daerah Sadong terdiri daripada tiga kaum sahaja iaitu kaum Dayak Laut seramai 3,200 orang, kaum Melayu seramai 4,000 orang dan kaum Cina seramai 600 orang. Penolong pegawai daerah Sadong juga memaklumkan kepada pejabat residen bahawa data bancian bagi kawasan Tebekang akan diberikan kemudian.

Memo kali kedua telah dihantar oleh pejabat daerah Sadong kepada *Court Writer* di Tebekang kerana kelewatan untuk melakukan bancian di kawasan Tebekang (No. 28 in B. 7/1, 14 May 1935). Dalam memo tersebut telah meminta penjelasan kerana kelewatan mendapatkan data bancian di kawasan Tebekang. Selain itu, beliau turut meminta *Court Writer* Tebekang untuk segera menyiapkan data bancian untuk kawasan Tebekang, Gedong dan Serian dan terus menghantar maklumat tersebut kepada Residen Bahagian Pertama dan memberikan satu salinan kepada pejabat daerah Sadong. *Court Writer* Tebekang turut membalas memo tersebut pada 21 May 1935 (Official Memorandum Ref. 4/2-24, 21 May 1935). Beliau telah menyatakan sebab data banci tidak dapat dihantar dengan lebih awal kerana kelewatan Kapitan Cina yang bernama Kon Siong Luk untuk memberikan data banci kaum Cina. Kelewatan ini menyebabkan beliau tidak dapat menyiapkan banci dengan segera.

Kandungan memo ini juga mengandungi laporan banci lengkap di kawasan Tebekang, Serian dan Gedong. Di Tebekang terdapat seramai 9464 orang kaum Dayak Darat, seramai 434 orang kaum Melayu dan seramai 425 kaum Cina. Di kawasan Serian pula terdapat

*Persempadanan Dan Pembancian
Di Bahagian Pertama, Sarawak (1841-1946)*

seramai 1376 orang kaum Dayak Darat, seramai 15 orang kaum Melayu dan seramai 344 orang kaum Cina. Akhir sekali data bagi kawasan Gedong iaitu seramai 1760 orang kaum Dayak Darat dan Dayak Laut, Seramai 1200 orang kaum Melayu dan 125 orang kaum Cina. Di kawasan Gompeh yang berhampiran dengan Gedong pula mempunyai seramai 488 orang kaum Melayu. Secara keseluruhan penduduk di ketiga-tiga kawasan ini adalah seramai 15,629 orang.

Setelah, kesemua daerah dalam Bahagian Pertama berjaya menyelesaikan bancia di kawasan masing-masing pihak residen telah membuat ringkasan bancia untuk Bahagian Pertama. Hasil ringkasan bancia tersebut perlu diserahkan kepada *Government Secretary* bagi memaklumkan hasil bancia tersebut. Pada 21 Jun 1935 satu memo rasmi telah dihantar kepada pihak *Government Secretary* bagi memaklumkan hasil data bancia tersesbut (No. 10 in RO ADM 8, 21 June 1935). Seramai 126,397 orang telah direkodkan sebagai penduduk Bahagian Pertama pada tahun 1935. Terdapat empat kaum utama iaitu kaum Melayu, kaum Cina, kaum Dayak Darat dan Dayak Laut. Selain itu, terdapat juga kaum-kaum minoriti yang lain.

Proses penyelesaian banci 1935 mendapati penggunaan data jabatan kerajaan seperti cukai dan jabatan kesihatan serta geran tanah kebun dan juga bantuan daripada kapitan Cina untuk mendapatkan data bancia adalah satu proses penambahbaikan berbanding banci pertama pada tahun 1871. Penambahbaikan ini adalah penting untuk mendapatkan data yang lebih dipercayai. Selain itu, rantaian arahan bagi urusan kerajaan juga terbukti apabila Rajah Brooke mengeluarkan arahan dan disampaikan kepada residen. Residen pula akan mengeluarkan arahan kepada pegawai-pegawai daerah di dalam bahagian pentadbirannya. Seterusnya pegawai daerah akan memberikan arahan kepada pelaksana di dalam daerah masing-masing bagi menyelesaikan tugas tersebut. Rantaian ini dapat dilihat dalam proses banci 1935 ini. Kelancaran pentadbiran ini adalah penting untuk memastikan setiap tugas dapat diselesaikan dengan berkesan. Berikut merupakan hasil banci yang dilaksanakan pada tahun 1935.

Jadual 3 : First Division Summary Census 1935

Kaum	Sadong	Samarahan	Lundu	Bau	Kuching	Kuching District	Jumlah
Melayu	6,137	5,420	3,354	1,497	10,957	8,718	36,583
Cina	1,492	120	1,821	7,575	10,794	22,114	43,916
Dayak Darat	12,160	1,772	2,387	11,689	-	8,844	36,852
Dayak Laut	3,640	688	1,227	100	200	500	6,355
Etnik Minoriti	-	40	69	309	731	542	1,691
Jumlah	23,429	8,040	9,358	21,170	22,682	40,718	125,397

Sumber : No. 10 In RO ADM 8, Cencus Of Sarawak, 1935

Usaha berterusan oleh pihak kerajaan untuk mendapatkan data lengkap penduduk di Bahagian Pertama terbukti apabila pada tahun 1938 telah berlangsungnya banci bagi mendapatkan data penduduk di Bahagian Pertama. Keperluan mendapatkan data banci ini juga penting untuk rancangan bank makanan dan sebagai persediaan kepada krisis kekurangan makanan. Krisis antarabangsa seperti perang dunia pertama menyebabkan kekurangan bekalan makanan di dunia. Kesedaran terhadap kepentingan bekalan makanan perlu mencukupi di sesebuah bandar menyebabkan banci perlu dilaksanakan bagi mengetahui tempoh masa bekalan makanan dapat bertahan di bandar-bandar utama di negeri Sarawak. Antara bandar yang dicadangkan adalah Kuching, Sibul, Sarikei, Binatang dan Miri (Letter No. 11 In CSO 1321, 27 Oktober 1938). Bancian yang akan dilakukan di Kuching pada tahun 1938 akan mendapat bantuan *Sarawak Chinese Chamber Of Commerce* (Cencus Committee, 1938).

Kerjasama ini diwujudkan bagi memudahkan urusan pengambilan data penduduk masyarakat Cina yang ada di kawasan kebun-kebun kecil. Pengambilan data akan menjadi lebih mudah dengan adanya bantuan badan persatuan kaum Cina untuk mengambil data bagi masyarakat Cina itu sendiri. Penerangan dalam bahasa Cina juga dapat dilakukan dan urusan mengisi borang banci menjadi cepat,

lancar dan berkesan. Keputusan mendapatkan bantuan daripada *Sarawak Chinese Chamber Of Commerce* dilakukan setelah belajar daripada peristiwa kutipan data banci bagi tahun 1935. Penambahbaikan ini adalah perlu agar data bagi kaum Cina yang tinggal di kawasan kebun-kebun kecil mereka dapat diketahui jumlah sebenar. Penglibatan *Sarawak Chinese Chamber Of Commerce* dapat dibuktikan dengan salinan surat yang diberikan oleh *Sarawak Chinese Chamber Of Commerce* kepada residen *First Division* bagi memaklumkan empat orang wakil mereka akan bersama di dalam mesyuarat di pejabat ketua setiausaha negeri Sarawak bagi membincangkan banci 1938 (Letter 4 November 1938).

Census Committee (Jawatankuasa Banci) merupakan satu jawatankuasa ditubuhkan untuk bermesyuarat, membuat keputusan dan melaksanakan banci di Bahagian Pertama (Census Committee, 1938). Satu keputusan telah dibuat untuk pelaksanaan banci 1938 adalah melibatkan borang banci yang mempunyai dua warna iaitu warna hijau adalah untuk kaum Cina dan warna kuning untuk semua kaum lain. Borang juga dicetak dalam tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Cina. Bagi kawasan perbandaran Kuching hingga ke Batu 40 yang meliputi jalan Simanggang dan jalan Penrissen akan diuruskan oleh 26 orang ahli *Sarawak Chinese Chamber Of Commerce*. Pejabat daerah Kuching pula akan mengurus banci di kawasan Rambungan, Samarahan, Batu Kitang dan jalan Matang. Borang-borang yang telah diagihkan perlu dikembalikan kepada pihak yang bertanggungjawab. Contohnya kawasan luar dari majlis perbandaran borang perlu dikembalikan kepada ketua kampung dan perlu membuat rekod rumah yang telah dikunjungi bagi memastikan borang dikembalikan secara sepenuhnya. Kawasan majlis perbandaran pula akan diuruskan oleh *Sarawak Chinese Chamber Of Commerce*. Elaun harian dan elaun bermalam juga diberikan kepada pembanci. Mesyuarat ditangguhkan ke hari Khamis jam 8.00 malam dan memutuskan banci tidak dapat disiapkan pada 10 Disember kerana masalah yang wujud seperti kelewatan dalam pembahagian kawasan pembancian dan juga masalah panduan banci yang perlu diberikan kepada ketua kampung.

Mesyuarat Jawatankuasa Banci kali kedua telah berlangsung pada 10 November 1938 (Census Committee, 1938). Semasa mesyuarat tersebut Encik Murray telah menyediakan peta litografi dan telah membahagikan kawasan banci sebanyak 31 kawasan. Kawasan ini tidak termasuk kawasan daerah Bau. *Sarawak Chinese Chamber Of*

Commerce telah bersetuju untuk memilih ketua dari kalangan ahli *Sarawak Chinese Chamber Of Commerce* untuk melaksanakan banci di kawasan yang telah diberikan kepada *Sarawak Chinese Chamber Of Commerce* untuk pembancian. Senarai nama pegawai banci tersebut perlulah diberikan kepada Residen Bahagian Pertama setelah selesai. Jangka masa selama 10 hari telah diberikan kepada *Sarawak Chinese Chamber Of Commerce* untuk menyelesaikan senarai nama tersebut. Mesyuarat ini juga memutuskan untuk menangguhkan keputusan berkenaan nilai gaji yang perlu diberikan kepada pegawai banci. Jangka masa untuk proses menyiapkan kerja banci perlulah diselesaikan terlebih dahulu dan baharulah skala gaji dapat dirangka berdasarkan tempoh masa bekerja tersebut. Mesyuarat berikutnya akan diadakan setelah *Sarawak Chinese Chamber Of Commerce* selesai menyiapkan senarai nama pegawai banci dari kalangan masyarakat Cina.

Proses sebelum pelaksanaan banci 1938 ini diteruskan dengan mesyuarat kali ketiga Jawatankuasa Banci pada 23 November 1938 (Census Committee, 1938). Senarai nama daripada *Sarawak Chinese Chamber Of Commerce* telah diberikan kepada pihak residen. Kadar pembayaran gaji kepada pegawai banci adalah sebanyak \$1.50 dan bayaran tersebut hanya meliputi hari tarikh penghantaran dan pengumpulan borang banci sahaja. Sekiranya memerlukan bantuan dari pihak ketiga maka gaji pihak ketiga itu perlu dibayar oleh pegawai banci itu sendiri. Pegawai banci akan dikumpulkan pada 3 Disember 1938 bagi tujuan agihan borang dan proses edaran borang banci kepada penduduk di kawasan banci masing-masing akan bermula pada 5 Disember. Borang tersebut akan di kumpul semula pada atau sebelum 20 Disember 1938. Manakala bagi kawasan perbandaran borang banci perlu dikembalikan kepada *Sarawak Chinese Chamber Of Commerce* selewat-lewatnya pada 9 Disember 1938. Pihak residen dan pejabat daerah pula akan menyediakan fail untuk menyimpan dokumen bancian tersebut. Anggaran kos gaji bagi proses pembancian Bahagian Pertama pada tahun 1938 adalah sebanyak \$1,400 dengan kadar purata 10 hari bekerja untuk setiap pegawai banci.

Setelah selesai proses banci yang berlangsung pada 5 hingga 20 Disember 1938, data banci tersebut diserahkan kepada Pejabat residen Bahagian Pertama untuk dibuat rumusan secara keseluruhan. Hasilnya pada 6 Januari 1939, ringkasan banci telah diserahkan kepada *Chief Secretary* (No. 64 in RO ADM 8, 6th January 1939). Berikut merupakan ringkasan banci tersebut.

Jadual 4 : First Division Summary Census 1938 (Kuching District)

Kuching District	Melayu	Dayak	Cina	Etnik lain	Jumlah
Kuching	13385	575	19307	1181	34448
7th Mile	527	372	1551	1	2451
S. Maong	964	29	1789	41	2823
Batu Kawa	374	53	2938	24	3389
Matang	1220	86	915	201	2422
Stampin	1176	348	3034	75	4635
Semengo	713	757	1134	31	2640
Kuap	443	1244	1185	5	2877
Santubong	1244	8	229	-	1481
Sibu Laut	1331	1	368	40	1740
16th Mile	1	325	1104	19	1449
Bukit Pam	146	99	859	4	1108
Goebalit	3068	134	1652	5	4859
S. Sarawak Kiri	-	4001	54	-	4055
Sambir	3869	86	949	1	4905
Penrissen	9	2257	200	14	2480
Muara Tuang	4399	1587	402	56	6444
Jumlah	32874	11993	36670	1698	84240

Sumber :No. 64 In RO ADM 8, First Division Summary, 1938

Jadual 5 : First Division Summary Census 1938 (Bau District)

Bau District	Melayu	Dayak	Cina	Etnik lain	Jumlah
Bau	834	601	4500	74	6009
Buso	602	77	2246	12	2937
Siniawan	526	969	2801	13	4309
Jagoi	0	1489	0	0	1489
Krokong-	0	1044	16	0	1060

tringgua					
Grogo	0	1497	0	0	1497
S. Etaat	0	766	16	0	782
Sengai	0	1845	22	0	1867
Jumlah	1962	8288	9601	99	19950

Sumber : No. 64 In RO ADM 8, First Division Summary, 1938

Jadual 6 : First Division Summary Census 1938 (Lundu District)

Lundu District	Melayu	Dayak	Cina	Etnik lain	Jumlah
Lundu	2181	3816	1547	24	7563
Samradi	589	49	236	10	884
Jumlah	2770	3863	1783	34	8452

Sumber : No. 64 In RO ADM 8, First Division Summary, 1938

Jadual 7 : First Division Summary Census 1938 (Sadong District)

Sadong District	Melayu	Dayak	Cina	Etnik lain	Jumlah
Serian	236	499	2160	14	2909
Gedong	1809	684	123	0	2616
Simunjan	2253	1408	473	0	4134
Sebangan	4401	1069	553	0	6023
Sadong River Ulu	0	2278	0	0	2278
Simunjan River Ulu	12	1814	153	0	1979
Balai Ringin	1	1780	61	0	1842
Kedup	0	4611	0	0	4611
Tebedu	0	2142	0	0	2142
Tebekang	425	1063	591	0	2079
Kepayang	0	462	7	0	469
Mungu Babi	0	5560	60	0	5620
Jumlah	9137	23370	4181	14	36702

Sumber : No. 64 In RO ADM 8, First Division Summary, 1938

Data banci 1938 ini merupakan data banci yang terakhir pada zaman Rajah Brooke. Data banci ini juga mempunyai kesilapan terhadap pengiraan jumlah penduduk di daerah Kuching dan daerah Lundu. Jumlah penduduk yang dinyatakan pada jadual asal bagi

jumlah penduduk daerah Kuching adalah 84240 orang dan kiraan yang tepat adalah 84206 orang. Begitu juga dengan jumlah masyarakat Iban di daerah Lundu yang sepatutnya adalah seramai 3865 orang dan jumlah penduduk di kawasan Lundu adalah sepatutnya adalah seramai 7568 orang. Kesalahan kecil ini mungkin berlaku ketika sesi kiraan penambahan. Walaupun begitu, data banci ini diperolehi dengan cara yang lebih tepat kerana mempunyai borang banci dan diselia oleh pegawai banci yang dilantik. Oleh itu, kredibiliti bagi data banci ini adalah lebih kukuh berbanding dengan banci tahun 1935. Jumlah keseluruhan penduduk Bahagian Pertama pada tahun 1938 adalah seramai 149,310 orang. Jumlah ini merangkumi tiga kaum utama iaitu kaum Melayu, kaum Cina dan kaum Dayak serta etnik minoriti yang lain.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, penulisan ini telah mengetengahkan sejarah terbentuknya *First Division* semasa pentadbiran Rajah Brooke. Kewujudan kawasan pentadbiran *First Division* ini telah menunjukkan wujudnya kepentingan sosioekonomi kawasan tersesbut kepada pihak kerajaan. Oleh itu, terdapatnya banci yang dilakukan oleh kerajaan untuk mendapatkan maklumat penduduk di kawasan *First Division*. Maklumat ini penting untuk tujuan perancangan kerajaan pada masa akan datang. Selain itu, data ini sangat penting untuk persediaan dalam menghadapi krisis makanan kesan daripada krisis antarabangsa pada ketika itu. Kesimpulannya, kawasan *First Division* merupakan kawasan yang sangat penting kepada pentadbiran Rajah Brooke dan maklumat berkenaan *First Division* perlu didokumentasikan bagi tujuan kemajuan dan kestabilan politik di kawasan pentadbiran Rajah Brooke.

Penghargaan

Penulisan ini ingin menyampaikan penghargaan kepada Prof Madya Dr. Bilcher Bala kerana memberikan idea dan bantuan dalam penulisan artikel ini. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Malaysia Sabah atas platform yang disediakan untuk penghasilan artikel ini. Penghargaan juga diberikan kepada Yayasan Sarawak atas tajaan biasiswa pinjaman yang membantu dari segi kewangan untuk penulisan ini. Terima kasih dan sejuta penghargaan pada semua yang terlibat.

Senarai Rujukan

Dokumen Kerajaan

- James Colin Swayne, *Resident First Division, Sarawak Administration Report For 1931*, Kuching: Sarawak Government Printing Office, 1932.
- Letter 4 November 1938, From The Sarawak Chinese Chamber of Commerce Kuching, Sarawak, To The Resident First Division. 1938*
- Letter No. 11 In CSO 1321, 27 Oktober 1938, From Chief Secretary to Resident First Division, Chairman Sarawak Chinese Chamber of Commerce and Secretary for Chinese Affair. 1938.*
- Letter No.2 In RO ADM 7, 13 March 1935, From Resident First Division To A.D.Os Lundu Bau and Sadong, Cencus Of Sarawak, 1935.*
- Minutes Of Meeting of The Cencus Committee Held at Clock Tower At 2.00 P.M. On Monday, 7th November 1938. Kuching: Cencus Committee, 1938.*
- Minutes Of Meeting of The Cencus Committee Held at Clock Tower At 2.00 P.M. On Monday, 7th November 1938. Kuching: Cencus Committee, 1938.*
- Minutes Of Second Meeting of The Cencus Committee Held at Clock Tower At 2.00 P.M. On Thursday, 10th November 1938. Kuching: Cencus Committee, 1938.*
- Minutes Of Third Meeting of The Cencus Committee Held at Clock Tower At 2.00 P.M. On Wednesday, 23rd November 1938. Kuching: Cencus Committee, 1938.*
- No. 10 in RO ADM 8, 21 June 1935, From Resident First Division to Government Secretary, Subject Census of Sarawak. 1935.*
- No. 18 in B.5/1, 14 mei 1935, From the Assistant District Officer Sadong to The Resident, 1st Division, Kuching, Subject Census of Sarawak. 1935.*
- No. 22 in Q 6/1, 17 April 1935, From the Assistant District Officer Sadong to Abang Mustapha, Samarahan, Subject Census of Sarawak. 1935.*
- No. 28 in B. 7/1, 14 May 1935, From the Assistant District Officer Sadong to The Court Writer, Tebekang, Subject Census of Sarawak. 1935.*
- No. 64 in RO ADM 8, 6th January 1939, From Resident First Division to The Chief Secretary, Subject Census-1938. 1939.*

- Persempadanan Dan Pembancian
Di Bahagian Pertama, Sarawak (1841-1946)*
- Official Memorandum Ref: No. 76 In CSO 397/27, 12 March 1935, From Government Secretary to Resident First Division, Subject Census of Sarawak. 1935.*
- Official Memorandum Ref. 4/2-24, 21 May 1935, From the Court Writer to The Assistant District Officer Sadong, Tebekang, Subject Census of Sarawak. 1935.*
- Official Memorandum Ref. NO. 36 in ADM. 3/1, 8 April 1935, From the Assistant District Officer Lundu to The Resident, First Division, Kuching, Subject Census of Sarawak. 1935.*
- Official Memorandum Ref. No.4 in ADM 2, 28 April 1935, From the Acting District Officer Bau to The Resident, First Division, Kuching, Subject Census of Sarawak, 1935.*
- Official Memorandum, 19 March 1935, From District Officer Kuching to The Resident 1st Division, Subject Census, 1935.*
- Official Memorandum, From Native Officer, Samarahan, To the Assistant District Officer Sadong Subject Census of Sarawak. 1935.*
- Sarawak Government, *Sarawak Civil Service List*, Kuching; Sarawak Government, 1931, Hlm. 35.
- Sarawak Government, *By Authority, The Sarawak Gazette, May 31, 1873*, Kuching; Sarawak Government, 1873.
- Sarawak Government, *Sarawak Chronology, The Sarawak Gazette, July 31, 1961*, Kuching; Sarawak Government, 1961.
- Sarawak Government. (1871). *The Cencus 1871., The Sarawak Gazette. December 15. 1871.* Kuching; Sarawak Government.

Buku

- Rodziah Morshidi & Charles Lei. (2009). *Kuching Terus Makmur*. Kuching: Pejabat Residen dan Daerah Bahagian Kuching.
- S. Baring-Gould, & C. A. Bampfylde. (1909). *A History Of Sarawak Under Its Two Rajahs*. London: Henry Sotheran & Co.

Laman Sesawang

- Borneo Post Online. (2015). Serian Diistytihar Bahagian Baharu. Dipetik dari <https://www.theborneopost.com/2015/04/12/serian-n-diistytihar-bahagian-baharu/>.